

# Sorotan Literatur Cabaran dan Strategi Memperkasakan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati

**BITARA**

Volume 8, Issue1, 2025: 1-11  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 4 December 2024  
Accepted: 31 December 2024  
Published: 15 January 2025

## [A Literature Review Challenges and Strategies to Enhance Arabic Writing Skills Among Non-Native Students]

Noor Anida Awang<sup>1\*</sup>, Nooraihan Ali<sup>1</sup> & Normila Noruddin@Che Ahmad<sup>1</sup>

1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-mail: nooranida@unisza.edu.my; nooraihan@unisza.edu.my; normila@unisza.edu.my

\*Corresponding Author: nooranida@unisza.edu.my

### Abstrak

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa kedua yang dipelajari dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di Malaysia. Kemahiran menulis dalam bahasa Arab merupakan salah satu kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh pelajar khususnya mereka yang memilih bidang pengajian Islam di peringkat institusi pengajian tinggi. Penguasaan kemahiran ini memerlukan kecekapan berbahasa dalam pelbagai aspek seperti kosa kata, tatabahasa, kemampuan membina ayat, mengolah maklumat dengan tepat dan sebagainya. Kajian ini membincangkan cabaran dan strategi dalam memperkasakan kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat institusi pengajian tinggi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap 13 artikel kajian terdahulu berkaitan kemahiran menulis bahasa Arab yang diterbitkan antara tahun 2021 hingga 2023. Kesemua artikel yang dikumpulkan diperolehi dari pangkalan data *Google Scholar*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar sering menghadapi cabaran utama dalam aspek linguistik, kaedah pengajaran serta faktor psikologi dan motivasi. Cabaran linguistik merangkumi kekurangan kosa kata, kesulitan memahami dan mempraktikkan tatabahasa dan kelemahan membina struktur ayat yang gramatis. Manakala dari sudut kaedah pengajaran, pendekatan tradisional yang kurang interaktif didapati tidak dapat menarik minat pelajar sekaligus gagal memenuhi keperluan pembelajaran yang lebih terkini bertepatan dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21. Di samping itu, isu psikologi seperti kurang keyakinan diri dan motivasi turut menghalang pelajar untuk menguasai kemahiran menulis dengan baik. Kajian-kajian tersebut turut mengenal pasti beberapa strategi berkesan. Antaranya ialah penggunaan pedagogi interaktif yang menggalakkan penglibatan aktif pelajar, pembangunan modul pengajaran yang lebih sistematik dan efektif serta pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar yang menekankan pembelajaran kolaboratif. Selain itu, penggunaan teknologi digital seperti aplikasi pembelajaran bahasa dan alat interaktif turut dikenal pasti sebagai kaedah yang berkesan untuk meningkatkan minat serta memperkasa pemahaman pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab. Bagi mengatasi cabaran ini, kajian turut mengenal pasti beberapa strategi berkesan seperti penggunaan pedagogi interaktif, pembangunan modul pengajaran yang sistematik, dan pendekatan berpusatkan pelajar yang memfokuskan kepada pembelajaran kolaboratif serta integrasi teknologi digital. Berdasarkan dapatan ini, kajian mencadangkan kajian lanjutan ke arah pendekatan holistik yang menggabungkan aspek linguistik, pedagogi, psikologi, dan teknologi dalam pengajaran dan

pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati dapat diperluas secara menyeluruh dan berterusan untuk generasi akan datang.

**Kata kunci:** kemahiran, menulis, bahasa Arab, pelajar bukan penutur jati

### Abstract

Arabic language is one of the second languages learned by non-native students in Malaysia. Arabic writing skills are among the basic language skills that learners are supposed to master, particularly those pursuing Islamic studies at higher education institutions. Proficiency in this skill requires competence in various linguistic aspects, including vocabulary, grammar, sentence construction, and the ability to process and present information accurately. The objectives of this study are to discuss the challenges and strategies in enhancing Arabic writing skills at higher education. To achieved the objectives, a qualitative approached was employed through document analysis of 13 previous research articles related to Arabic writing skills published within recent last three years from 2021 to 2023. These articles were obtained from Google Scholar database. The results revealed that students frequently encounter challenges in various aspects such as linguistic, teaching methodology, and psychological and motivational factors. Linguistic difficulties include limited vocabulary, challenges in understanding and applying grammar and difficulties in forming grammatically accurate sentences. On the other hand, pedagogical perspective using traditional teaching methods which tend to be less interactive fail to engage students effectively and do not address the evolving needs of 21st-century learning. Moreover, psychological challenges, such as low self-confidence and lack of motivation, prevent students from achieving proficiency in Arabic writing. The study also highlights some effective strategies to overcome these challenges. These strategies include an interactive teaching methods that encourage active student participation, designing structured and efficient teaching modules, and adopting student-centered approaches that emphasize collaborative learning. Additionally, incorporating digital technologies, such as language learning applications and interactive tools, is recognized as an effective approach to enhance students' interest and understanding in Arabic writing. Based on these findings, the study suggests further research towards a holistic approach that combines linguistic, pedagogical, psychological, and technological aspects in teaching and learning Arabic for the future generation.

**Keywords:** Writing skills, Arabic language, non-native learners



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

### Cite This Article:

Noor Anida Awang, Nooraihan Ali & Normila Noruddin@Che Ahmad. (2024). Sorotan Literatur Cabaran dan Strategi Memperkasakan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati [A Literature Review Challenges and Strategies to Enhance Arabic Writing Skills Among Non-Native Students]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 317-311.

## Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang unik dan mempunyai pelbagai keistimewaan yang tiada bandingannya dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini (Kamarulzaman Abdul Ghani et al., 2021). Kemahiran bahasa Arab terdiri daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan

menulis perlu dikuasai dengan baik oleh pelajar bukan penutur jati yang mengikuti bidang pengajian Islam di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) (Hadj Said, 2023). Penguasaan empat kemahiran ini bukan sahaja membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan ilmu agama dengan lebih mendalam, tetapi juga memperkukuhkan penguasaan linguistik dan kemampuan untuk berkomunikasi secara lisan dan tulisan.

Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, kemahiran ini dianggap sukar dan mencabar bagi pelajar bukan penutur jati kerana bahasa Arab mempunyai sistem tatabahasa yang kompleks, struktur ayat yang unik, dan kekayaan kosa kata. Oleh itu, penguasaan kemahiran ini memerlukan bukan sahaja pengetahuan asas tatabahasa dan kosa kata, tetapi juga keupayaan untuk mengintegrasikan pengetahuan tersebut dalam penulisan yang teratur dan bermakna. Tambahan pula, kemahiran menulis menjadi sebahagian daripada penilaian formatif atau sumatif di peringkat universiti di samping menghasilkan tugas ilmiah mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Walaupun pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (PdP) di peringkat universiti telah mengalami pelbagai penambahbaikan, pelajar masih menghadapi pelbagai kelemahan dalam kemahiran menulis seperti kesukaran membina ayat yang gramatis, ketidakupayaan menggunakan kosa kata mengikut konteks dengan tepat, dan kekeliruan dalam penggunaan kaedah sintaksis dan morfologi yang betul serta kekurangan latihan menulis yang berstruktur (Rosni Samah et al., 2023). Cabaran lain seperti motivasi yang rendah, kurang keyakinan diri, dan kaedah pengajaran yang kurang efektif turut menyumbang kepada kelemahan ini (Mohamad Ismail & Norahida MohaMohd Fairuz Ali, 2024). Justeru, pelbagai strategi telah dicadangkan dalam memperkasakan kemahiran menulis termasuk penggunaan teknologi digital, kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar, dan integrasi teknik penulisan yang lebih sistematik dan berstruktur.

Dalam menangani isu ini, kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar bukan penutur jati di universiti dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab. Melalui analisis literatur yang menyeluruh terhadap kajian-kajian terdahulu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang pendidikan bahasa Arab, bukan sahaja dalam memperbaiki kaedah PdP malah dalam membangunkan modul yang lebih efektif, interaktif dan relevan bagi memenuhi keperluan pembelajaran masa kini.

## **Sorotan Literatur**

Kemahiran menulis bahasa Arab merupakan salah satu aspek penting bagi pelajar bukan penutur jati. Pelbagai kajian terdahulu menunjukkan bahawa penulisan dalam bahasa Arab mencabar disebabkan perbezaan yang ketara dengan bahasa ibunda terutamanya dari segi struktur ayat, tatabahasa dan kosa kata. Oleh itu, cabaran ini memerlukan pemahaman mendalam dan latihan berterusan bagi memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran tersebut dengan lebih berkesan.

Kajian Mohamad Ismail & Norahida MohaMohd Fairuz Ali (2024) menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran bahasa Arab bergantung kepada pendekatan pedagogi yang digunakan oleh pengajar. Pendekatan tradisional yang menumpukan kepada hafalan dan teori

tatabahasa didapati kurang berkesan terhadap pembangunan kemahiran menulis pelajar. Sebaliknya, pendekatan komunikatif dan kontekstual didapati lebih membantu pelajar mengaplikasikan bahasa dalam situasi sebenar. Oleh itu penggunaan teknologi seperti aplikasi interaktif turut meningkatkan motivasi dan minat pelajar.

Motivasi pelajar juga memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mampu menguasai penulisan bahasa Arab. Kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai minat dan motivasi intrinsik lebih cenderung untuk berjaya dalam mempelajari bahasa ini. Walau bagaimanapun, motivasi pelajar sering dipengaruhi oleh faktor luaran seperti persekitaran pembelajaran, peranan guru, dan sokongan daripada rakan sebaya. Oleh itu, persekitaran pembelajaran yang positif dan menyokong adalah penting untuk menggalakkan pelajar berusaha meningkatkan kemahiran menulis mereka.

Selain itu, strategi berpusatkan pelajar termasuk aktiviti berkumpulan dan maklum balas membantu mereka memperbaiki penulisan sendiri dan menggalakkan pemikiran kritis. Manakala penilaian formatif dan sumatif juga membolehkan pemantauan berterusan terhadap kemajuan penulisan yang mereka hasilkan. Secara tidak langsung pelajar dapat mengenal pasti kelemahan mereka dan memperbaikinya secara beransur-ansur.

Kesimpulannya, walaupun terdapat pelbagai cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh pelajar dalam memperkasa kemahiran menulis bahasa Arab, pendekatan inovatif, penggunaan teknologi, motivasi tinggi dan persekitaran sokongan mampu membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran ini dengan lebih baik dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di Malaysia.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis 13 kajian berkaitan cabaran dan strategi dalam memperkasakan kemahiran menulis bahasa Arab bagi pelajar bukan penutur jati di Malaysia. Data yang berkait dengan kemahiran menulis bahasa Arab terutamanya dalam konteks Malaysia diperoleh dari pangkalan data *Google Scholar*. Data-data tersebut dianalisis secara komprehensif menggunakan teknik analisis dokumen merangkumi kajian dari tahun 2021 sehingga tahun 2023. Secara terperinci enam kajian diperolehi pada tahun 2021, empat kajian pada tahun 2022 dan tiga kajian pada tahun 2023. Pemilihan kajian dilakukan secara sampel bertujuan dan dianalisis secara tematik agar relevan dengan objektif kajian sebelum dihuraikan secara jelas dan sistematik.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan analisis kajian terhadap 13 artikel yang dipilih, dua tema utama telah dikenalpasti iaitu cabaran penulisan bahasa Arab dan strategi pengajaran dan pembelajaran untuk mengatasinya. Dapatan kajian diringkaskan secara sistematik sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Sorotan Literatur Bersistematik Cabaran dan Strategi Memperkasakan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati

No	Tajuk kajian/pengkaji	Cabaran Penulisan	Strategi Pengajaran dan pembelajaran
1	Analisis Kesilapan Sintaksis Bahasa Arab dalam Penulisan Karangan Pelajar Natif Bahasa Melayu ( <i>Sulaiman Ismail et al., 2021</i> )	Kesalahan sintaksis	Latihan berfokus kepada kesalahan sintaksis
2	Analisis Kesalahan Morfologi Penulisan Akademik Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati: Kajian Korpus ( <i>Diyak Ulahman Mat Saad et al., 2021</i> )	Kekurangan morfologi	Modul morfologi
3	Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis ( <i>Muhammad Irfan Mhd Rusdi et al., 2023</i> )	Kesalahan tatabahasa dan sintaksis	Modul tatabahasa
4	Kesalahan Ortografi dan Implikasinya melalui Penulisan Esei Berpandu Pelajar Bukan Penutur Arab: Satu Kajian di Universiti Sains Islam Malaysia ( <i>Azlan Shaiful Baharum et al., 2022</i> )	Masalah penggunaan Hamzah dan ejaan	Penggunaan teknologi interaktif (Kahoot dan MOOC)
5	Problems in Arabic Writing Skills among Malay Students in Malaysia: A Review ( <i>Ahmad Fuad Che Daud et al., 2022</i> )	Kekurangan kosa kata dan struktur ayat	Modul kosa kata dan struktur ayat
6	Analysis of The Need for Developing a Module on Writing Skills in Arabic Essays from The Perspective of Models and Teaching Methods of The Module ( <i>Mohamad Rofian Ismail et al., 2023</i> )	Kekurangan modul	Penggubalan modul berdasarkan pendekatan eklektik
7	Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab dari Aspek Model dan Kaedah Pengajaran Modul ( <i>Mohamad Rofian Ismail &amp; Muhammad Daoh, 2021</i> )	Kekurangan kaedah pengajaran berkesan	Pembangunan modul dengan pendekatan induktif/deduktif
8	A Proposed Model of Educational Unit Using the Informativity Standard in	Kesukaran membina Struktur	Modul informativiti

	Acquiring The Writing Skills Of Non-Arabic Speaker Students ( <i>Salwa Salleh &amp; Asma Abdul Rahman, 2021</i> )	ayat & kekurangan bahan interaktif	
9	Enhancing the Arabic Writing Competency Utilizing Innovative Web-Based Program ( <i>Su'aidi bin Safei &amp; Suhailan Bin Safei, 2021</i> )	Kekurangan pemahaman struktur ayat & motivasi rendah	Program berbantuan komputer untuk pembelajaran kolaboratif
10	The Hyper-Associative Latency of The Typical Lexical Educational Unit Mgg@Lexicalsem Proposed in Employing the Reporting Criterion for Acquiring the Writing Skill of Non-Arabic Speaking Students ( <i>Asma Abdul Rahman et al., 2022</i> )	Kekurangan kosa kata yang sesuai	Modul pendidikan leksikal
11	Bagaimanakah Aktiviti Membaca Mempengaruhi Penulisan Pelajar Bahasa Arab? ( <i>Ahmad Fuad Che Daud et al., 2023</i> )	Kelemahan tatabahasa dan struktur ayat	Aktiviti integrasi membaca dan menulis
12	Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Pelajar ( <i>Lydia Anak Jakarta &amp; Khairul Azhar Jamaludin, 2022</i> )	Kurang pendekatan menyeronokkan dan motivasi yang rendah	Pembangunan gamifikasi dan teknologi yang menyeronokkan
13	Proses Menulis Karangan Bahasa Arab Peringkat Pengajian Tinggi mengikut Pandangan Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia ( <i>Mohamad Rofian Ismail &amp; Muhammad Daoh, 2021</i> )	Kurang menguasai aspek kohesi & koheren dan kesediaan pelajar yang rendah	Modul penulisan

## Cabaran Penulisan Bahasa Arab

Kemahiran menulis bahasa Arab merupakan kemahiran yang penting untuk dikuasai oleh pelajar bukan penutur jati di peringkat institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, cabaran dalam penulisan bahasa Arab merupakan isu penting yang perlu ditangani sebaik mungkin. Setelah menyoroti 13 artikel, kajian mengenal pasti tiga cabaran utama dalam penguasaan kemahiran ini iaitu aspek linguistik, kaedah pengajaran dan motivasi pelajar.

Perbincangan tentang cabaran linguistik meliputi kesalahan sintaksis (*Sulaiman Ismail et al., 2021; Muhammad Irfan Mhd Rusdi et al., 2023*), kesalahan morfologi (*Diyak Ulahman Mat Saad et al., 2021*), kelemahan tatabahasa dan struktur ayat (*Ahmad Fuad Che Daud et al., 2023*), kesalahan ortografi (*Azlan Shaiful Baharum et al., 2022*), kelemahan dalam menguasai

kosa kata dan struktur ayat (Ahmad Fuad Che Daud et al., 2022; Salwa Salleh & Asma Abdul Rahman, 2021; Su'aidi Safei & Suhailan Safei, 2021; Asma Abdul Rahman et al., 2022; Ahmad Fuad Che Daud et al., 2023). Kesalahan sintaksis dan morfologi bahasa Arab yang berulang menunjukkan pelajar kurang memahami struktur tatabahasa Arab yang berbeza dengan tatabahasa bahasa ibunda. Tambahan pula, kekangan kosa kata dan ketidakmampuan membina ayat gramatis turut membimbangkan para pengajar meskipun mereka telah mempelajari bahasa Arab kurang lebih 5 tahun. Kekangan ini berpunca daripada kesan terpengaruh dengan bahasa ibunda. Selain itu, isu tentang pelajar yang kurang menguasai aspek kohesi dan koheren (Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021b) turut dibincangkan oleh para penyelidik memandangkan aspek ini berkait rapat dalam membina struktur penulisan bahasa Arab yang tepat dan gramatis.

Beberapa kajian yang disoroti menjelaskan tentang kekurangan modul pengajaran yang komprehensif sebagai isu dalam aspek pedagogi (Mohamad Rofian Ismail et al., 2023; Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021a; Salwa Salleh & Asma Abdul Rahman, 2021; Su'aidi Safei & Suhailan Safei, 2021; Asma Abdul Rahman et al., 2022; Ahmad Fuad Che Daud et al., 2023; Lydia Anak Jakarta & Khairul Azhar Jamaludin, 2022; Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021b). Kekurangan ini menjejaskan keberkesanan pengajaran di samping turut mengundang kepada kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis. Ia dapat dilihat apabila modul yang dibangunkan kurang sistematik menyukarkan pelajar untuk memahami prinsip bahasa dengan baik sehingga memberi kesan terhadap kemampuan mereka untuk menulis dengan betul.

Manakala beberapa kajian lain yang dijalankan oleh Su'aidi Safei & Suhailan Safei (2021); Lydia Anak Jakarta & Khairul Azhar Jamaludin (2022); Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh (2021b) menyatakan tahap motivasi dan keyakinan pelajar yang rendah menyukarkan pelajar menguasai kemahiran menulis bahasa Arab. Faktor ini dikaitkan juga dengan kekurangan latihan praktikal dan bimbingan yang berkesan dari pengajar. Pendedahan terhadap aktiviti pembelajaran berasaskan teknologi seperti gamifikasi dan pembelajaran kolaboratif melalui komputer misalnya dapat meningkatkan motivasi pelajar, membantu pelajar menambah baik kemahiran menulis, malah mendorong penglibatan aktif dalam pembelajaran (Amani Nawi et al., 2021). Selain itu, pendekatan berpusatkan pelajar pula memperkukuh keyakinan mereka dalam menghasilkan penulisan yang lebih baik dengan bimbingan pengajar. Secara keseluruhannya, cabaran linguistik adalah isu yang paling kerap dibincangkan oleh para sarjana. Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran dan motivasi masih perlu diperluas bagi menambahbaik teknik sedia ada agar bersesuaian dengan keperluan pelajar yang semakin berkembang. Langkah ini penting untuk memastikan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati dapat ditingkatkan dan sejajar dengan matlamat yang ingin dicapai.

## **Strategi Pembelajaran Penulisan Bahasa Arab**

Setelah menyoroti 13 artikel kajian, strategi pembelajaran penulisan bahasa Arab yang dibincangkan melibatkan tiga pendekatan utama iaitu pedagogi interaktif seperti Kahoot dan MOOC (Azlan Shaiful Baharum et al., 2022). Pendekatan ini menjadikan sesi pembelajaran

lebih menarik, meningkatkan motivasi serta mendorong pelajar untuk menulis (Salwa Salleh & Asma Abdul Rahman, 2021). Manakala gamifikasi juga terbukti berjaya memupuk suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan interaktif (Lydia Anak Jakarta & Khairul Azhar Jamaludin, 2022). Seterusnya, pembelajaran kolaboratif berbantuan komputer memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dan berkongsi idea secara kreatif (Su'aidi Safei & Suhailan Safei, 2021). Pendekatan ini bukan mengurangkan ketakutan untuk menulis disebabkan kelemahan yang ada dalam diri tetapi mampu memperbaiki kemahiran membina ayat yang lebih kompleks dan efektif.

Selain pedagogi interaktif, pembangunan modul pengajaran yang sistematik, komprehensif dan menepati persekitaran pelajar turut diakui sebagai salah satu kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran menulis pelajar (Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021). Modul yang efektif perlu mengintegrasikan elemen tatabahasa, kosa kata dan struktur ayat (Sulaiman Ismail et al., 2021; Diyak Ulahman Mat Saad et al., 2021; Muhammad Irfan Mhd Rusdi et al., 2023; Ahmad Fuad Che Daud et al., 2022; Asma Abdul Rahman et al., 2022) serta teknik penulisan yang sistematik. Selain itu modul yang bersifat informatif (Salwa Salleh & Asma Abdul Rahman, 2021) dan eklektik (Mohamad Rofian Ismail et al., 2023) membantu pelajar memahami asas penulisan dengan lebih baik sebelum mengaplikasikannya dalam penulisan yang lebih mendalam dan terperinci. Di samping itu, pendekatan induktif dan deduktif (Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021) yang digunakan dalam modul membuka ruang kepada pelajar untuk membina struktur bahasa, memperkukuh asas pengetahuan, dan membangunkan kemahiran penulisan secara progresif.

Pendekatan berpusatkan pelajar pula menggalakkan mereka untuk meneroka ilmu secara sendiri dengan bimbingan pengajar (Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021). Strategi ini termasuklah mempelbagaikan aktiviti seperti latihan penulisan ortografi (Azlan Shaiful Baharum et al., 2022) tatabahasa (Muhammad Irfan Mhd Rusdi et al., 2023), pembinaan kerangka dan struktur ayat (Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021), serta pengukuhan kemahiran membaca dan menulis (Ahmad Fuad Che Daud et al., 2022; Ahmad Fuad Che Daud et al., 2023) secara berulang kali. Aktiviti penerokaan melalui laman web (Su'aidi Safei & Suhailan Safei, 2021) dan pembelajaran kolaboratif (Lydia Anak Jakarta & Khairul Azhar Jamaludin, 2022) turut disarankan bagi meningkatkan motivasi pelajar dan memupuk semangat berpasukan di samping mendorong pelajar untuk lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri (Mohamad Rofian Ismail et al., 2020)

Secara keseluruhannya strategi pembelajaran menggunakan modul pengajaran mendapat perhatian yang serius dalam kalangan sarjana linguistik ke arah menambahbaik pelaksanaan PdP kemahiran menulis bahasa Arab di Malaysia. Walau bagaimanapun pedagogi interaktif dan pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan antara pendekatan yang dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Namun, kejayaan pelaksanaan strategi ini bergantung kepada kesesuaian dengan konteks pembelajaran serta kesediaan tenaga pengajar untuk mengaplikasikan teknik-teknik baru dalam PdP.



## Kesimpulan

Penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab merupakan elemen penting dalam pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing. Walau bagaimanapun, kemahiran ini sering menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelajar bukan penutur jati terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Berdasarkan sorotan kajian lepas, cabaran utama dalam penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di institusi pengajian tinggi merangkumi aspek linguistik, pedagogi, dan motivasi. Isu utama yang menjadi kesukaran pelajar adalah kelemahan tatabahasa, kosa kata, kaedah pengajaran yang tidak komprehensif dan tahap motivasi yang rendah. Manakala saranan strategi pembelajaran yang lebih fleksibel termasuklah pedagogi interaktif, modul pengajaran sistematik dan pendekatan berpusatkan pelajar yang memanfaatkan teknologi membantu meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh tatabahasa dan struktur ayat, malah membina keyakinan diri pelajar ke arah lebih baik. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang pendidikan bahasa Arab ke arah penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran khususnya kemahiran menulis bahasa Arab yang relevan dengan keperluan pelajar pada masa kini.

## Rujukan

- Ahmad Fuad Che Daud, Nik Farhan Mustapha, Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2023). Bagaimanakah Aktiviti Membaca Mempengaruhi Penulisan Bahasa Arab Pelajar? *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 602–609. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.48>
- Ahmad Fuad Che Daud, Nik Farhan Mustapha, Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, Mohd Azidan Abdul Jabar, & Ab Halim Mohamad. (2022). Problems in Arabic Writing Skills among Malay Students in Malaysia: A Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 2028–2039. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i1/12038>
- Amani Naw, Lubna Abd Rahman, Arnida A Bakar, & Wahida Mansor. (2021). Pembangunan Laman Web E-Multi Ling Mu'jam Sebagai Alternatif Pembelajaran Kendiri: Satu Analisis Keperluan. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains*, 330–352. <https://context.reverso.net/translation/>
- Asma Abdul Rahman, Salwa Salleh, Najihah Abdul Wahid, Maryam Abdul Rahman, Musling, M. N., Amani Naw, Ahmad Abdul Rahman, & Sarah Husna Mat Rasid. (2022). [ The Hyper-Associative Latency Of The Typical Lexical Educational Unit MGG @ LEXICALSEM ]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(3), 56–87.
- Azlan Shaiful Baharum, Rosni Samah, & Asma Abdul Rahman. (2022). Kesalahan Ortografi dan Implikasinya melalui Penulisan Esei Berpandu Pelajar Bukan Penutur Arab: Satu Kajian di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Humanika*, 14(2), 1–11. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n2.1479>

- Diyak Ulahman Mat Saad, Hibriyatul Rifhan Abu Bakar, & Hanis Najwa Shaharuddin. (2021). Analisis Kesalahan Morfologi Penulisan Akademik Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati : Kajian Korpus Analysis of Morphological Errors in Arabic Academic Writing among Non - Native Speaking Students : A Corpus Study. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 3(1), 44–55.
- Hadj Said, S. (2023). Teaching Arabic To Non-Native Speakers. *International Journal of Humanities and Educational Research*, 5(02), 123–133. <https://doi.org/10.47832/2757-5403.19.10>
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh, & Nurul Iman Ahmad Bukhari. (2021). *Linguistic Features Differences in Arabic Textbooks Used at Islamic Schools in Malaysia*. *Kemanusiaan*, 28(1), 151–169. <https://doi.org/10.21315/KAJH2021.28.1.7>
- Lydia Anak Jakarta, & Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Pelajar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 340–352. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.3.29>
- Mohamad Ismail, & Norahida MohaMohd Fairuz Ali. (2024). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Islam Pahang Sultan Ahmad Shah ( UnipSAS ) [ The Use of Strategies for Arabic Language Learning in Class Based on Gender Differences among Sultan Ahmad Shah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(1), 283–295.
- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Fahed Bin Maromar, & Saupi Man. (2020). Kemahiran Menulis Pelajar Diploma Bahasa Arab Di Institut Pengajian Tinggi Malaysia Berdsarkan Persepsi Dan Ujian Pengesanan. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian*, 5(February), 43–51.
- Mohamad Rofian Ismail, Khairatul Akmar Ab. Latif, & Ahmad Redzaudin Ghazali. (2023). Analysis of The Need for Developing A Module on Writing Skills in Arabic Essays from The Perspective of Models and Teaching Methods of The Module. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik (e-JBL)*, 5(1), 75–83. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v5i1.131>
- Mohamad Rofian Ismail, & Muhammad Daoh. (2021a). Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab dari Aspek Model dan Kaedah Pengajaran Modul. *Selangor Humaniora Review*, 4(1), 133–146.
- Mohamad Rofian Ismail, & Muhammad Daoh. (2021b). Proses Menulis Karangan Bahasa Arab Peringkat Pengajian Tinggi mengikut Pandangan Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Selangor Humaniora Review*, 5(2), 1–23.
- Muhammad Irfan Mhd Rusdi, Ibrahim Abdullah, Fariz Azzuan Amat Suparia, Muhammad Syaffiq Mohammed Raffi, & Farhana Ghazuddin. (2023). Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis [Literature Review: The Correlation between The Mastery of Arabic Grammar and Writing skills]. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3), 99–108.

- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, & Hishomudin Ahmad. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 64–77.
- Salwa Salleh & Asma Abdul Rahman. (2021). A Proposed Model of Educational Unit Using The Informativiy Standard In Acquiring The Writing Skills of Non Arabic Speaker Students.pdf. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanitiesonline*, 4(1).
- Su'aidi Safei, & Suhailan Safei. (2021). Enhancing the Arabic Writing Competency Utilizing Innovative Web-Based Program. *International Journal of Human and Technology Interaction*, 5(2), 41–46.
- Sulaiman Ismail, Yuslina Mohamed, Zainur Rijal Abd Razak, Mohamed Ibrahim, & Zulkipli Isa. (2021). Analisis Kesilapan Sintaksis Bahasa Arab dalam Penulisan Karangan Pelajar Natif Bahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(1), 27–36. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11.5231>